A

PP lwn. WONG CHEE SEONG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42LB-1-01-2015]
18 DISEMBER 2015

B

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan – Pertuduhan cacat – Tertuduh dipertuduh dengan dua pertuduhan memalsukan dokumen – Kanun Keseksaan, s. 457 – Pemalsuan surat wasiat – Pertuduhan bertindih – Pertuduhan pertama dan kedua merujuk satu dokumen sama – Sama ada pemalsuan boleh dilakukan dua kali terhadap satu dokumen sama – Sama ada pertuduhan kedua sah – Sama ada kecacatan pada pertuduhan berbentuk teknikal – Sama ada boleh dipulihkan sebagai ketidakaturan*

C

KETERANGAN: *Anggapan bertentangan – Kegagalan memanggil saksi material – Sama ada hak memanggil saksi terletak pada budi bicara pendakwaan – Sama ada kegagalan memanggil saksi material menjejaskan kes pendakwaan – Akta Keterangan 1950, s. 114(g)*

D

KETERANGAN: *Keterangan dokumentar – Pemalsuan dokumen – Pemalsuan surat wasiat – Pindahan wang simpanan dan pindah milik tanah si mati kepada tertuduh – Kanun Keseksaan, s. 457 – Sama ada tandatangan dalam wasiat sama dengan spesimen tandatangan si mati – Sama ada keterangan saksi pakar tulisan tangan berjaya membuktikan tandatangan dalam surat wasiat dipalsukan*

E

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pemalsuan – Pemalsuan dokumen – Pemalsuan surat wasiat – Pindahan wang simpanan dan pindah milik tanah si mati kepada tertuduh – Kanun Keseksaan, s. 457 – Sama ada tandatangan dalam wasiat sama dengan spesimen tandatangan si mati – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan intipati pertuduhan – Sama ada keterangan mencukupi – Sama ada kes prima facie berjaya dibuktikan*

F

Tertuduh ('OKT') dipertuduh di Mahkamah Sesyen dengan dua pertuduhan memalsukan dokumen di bawah s. 457 Kanun Keseksaan ('KK') iaitu: (i) memalsukan surat wasiat ('P3A') mendiang bapanya ('WW') untuk memindah milik setengah bahagian wang simpanan WW kepadanya; dan (ii) memalsukan P3A bagi memindah milik tiga bidang tanah daripada nama WW kepada namanya sendiri. Pengadu dalam kes ini iaitu adik OKT ('SP1') mengatakan bahawa sebelum meninggal dunia, WW terlantar sakit akibat barah dan tidak boleh ke mana-mana. WW telah memberitahu SP1 dan ahli keluarganya bahawa dia tidak akan membuat apa-apa wasiat. Keterangan SP1 disokong oleh ibunya ('SP2') dan adiknya ('SP3') serta pakar tulisan tangan ('SP4') yang melaporkan dalam analisisnya bahawa tandatangan pada P3A berbeza dengan spesimen tandatangan WW. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') menilai keterangan SP1 secara berhati-hati kerana terdapat perbalahan sesama ahli keluarga. Di akhir kes pendakwaan, HMS

G

H

I

memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT bagi kedua-dua pertuduhan kerana (i) terdapat percanggahan antara keterangan saksi-saksi dengan fakta. WW dikatakan tidak dapat bergerak sedangkan dia telah ke hospital untuk mendapat rawatan dan terdapat keterangan bahawa WW menandatangani dua dokumen di hadapan pesuruhjaya sumpah; (ii) wujud persoalan sama ada WW sememangnya menghidap barah kerana terdapat keterangan bahawa sebab kematian WW ialah sakit tua; (iii) pihak pendakwaan gagal memanggil peguam dan pesuruhjaya sumpah yang mengendalikan P3A dan dengan itu, HMS mengguna pakai s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta'); dan (iv) keterangan SP4 diragui. HMS melepaskan dan membebaskan OKT tanpa dipanggil membela diri. Oleh itu, rayuan ini. Bagi menyokong rayuan, pihak pendakwaan menghujahkan (i) walaupun tiada keterangan langsung yang membuktikan OKT memalsukan P3A, keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan, khasnya SP4, cukup untuk membuktikan OKT memalsukan P3A; (ii) HMS gagal menggunakan kuasa budi bicara bagi meminda pertuduhan terhadap OKT kerana pihak pendakwaan berjaya membuktikan cukup keterangan di bawah s. 471 KK; (iii) HMS terkhilaf dalam mengguna pakai s. 114(g) Akta atas kegagalan memanggil saksi material kerana pihak pendakwaan mempunyai budi bicara memanggil mana-mana saksi untuk membuktikan kesnya; dan (iv) kredibiliti SP1 tidak dicabar dan HMS terkhilaf dalam menilai keterangan SP1 semata-mata kerana dia berbalah dengan OKT.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Berdasarkan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan, tidak ada keterangan langsung yang membuktikan OKT memalsukan P3A. Tidak ada saksi yang nampak OKT menandatangani atau meminta orang lain menandatangani P3A. Pihak pendakwaan bergantung pada keterangan ikut keadaan semata-mata. Walaupun ia boleh diterima tanpa keterangan langsung, keterangan ikut keadaan biasanya hanya diterima untuk keterangan yang boleh menjurus kepada pembuktian kebersalahan OKT sahaja. Semasa menilai dan mempertimbangkan keterangan ikut keadaan yang memihak pada pihak pendakwaan, mahkamah juga perlu mempertimbangkan segala inferens munasabah yang berbangkit daripada satu keterangan ikut keadaan terutamanya inferens yang memihak pada OKT. (perenggan 19, 20 & 22)

(2) SP1, SP2 dan SP3 tidak tahu bahawa WW pergi ke pejabat peguam untuk menyediakan P3A. Walaupun SP2 tinggal bersama WW, dia tidak boleh ingat peristiwa itu tetapi semasa disoal balas, dia ingat bahawa WW ada hadir di Mahkamah Majistret memberi keterangan dalam kes tuntutan terhadap SP1. Keterangan SP1 dan SP3 mengenai kesihatan WW pula bukan berdasarkan pengetahuan peribadi kerana

mereka bersandarkan pada apa-apa yang dikatakan oleh SP1 sahaja. Dengan itu, timbul inferens bahawa WW mungkin ada ke pejabat peguam membuat P3A tanpa pengetahuan SP2. (perenggan 23)

(3) Berdasarkan siasatan rekod hospital, WW ada menerima rawatan namun sijil kematian menyatakan bahawa sebab kematian WW ialah sakit tua. Terdapat juga keterangan WW menandatangani surat akuan dan surat perwakilan kuasa. P3A pula dikatakan ditandatangani pada tarikh lain. Berdasarkan keterangan, inferens yang boleh dibuat adalah WW bukan seorang pesakit barah; ada ke mahkamah memberi keterangan; ada ke pejabat pesuruhjaya sumpah berlainan; dan ada ke pejabat peguam pada masa dikatakan tidak boleh bergerak dan hanya terlantar di katil sahaja. Inferens tersebut memihak pada OKT dan perlu diberi pertimbangan wajar. (perenggan 24)

(4) HMS tidak salah arah atau silap apabila membangkitkan inferens di bawah s. 114(g) Akta. Asasnya, hak memanggil saksi terletak pada budi bicara pihak pendakwaan. Namun begitu, kegagalan memanggil saksi material menafikan hak OKT untuk mendapat keadilan sekiranya saksi yang dipanggil itu boleh memberi keterangan yang membantu mahkamah memutuskan soalan fakta yang relevan dengan pertuduhan. Peguam-peguam yang menyaksikan WW menandatangani P3A adalah orang yang secara langsungnya terlibat dengan kewujudan P3A. Mereka sepatutnya dipanggil memberi keterangan. Kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi yang boleh membantu mahkamah membuat penemuan dan keputusan fakta boleh dilihat sebagai ingin menyembunyikan sesuatu. (perenggan 25)

(5) Penelitian khusus pada keterangan SP1 oleh HMS berasas dan tidak salah. Berdasarkan keterangan, jelas bahawa SP1 seorang yang kecewa dengan kewujudan P3A. Ada keterangan berkaitan tingkah laku dan pertelingkahan SP1 dengan WW hingga WW mendapatkan perintah mahkamah untuk menghalau SP1 dari rumahnya. Kiriman pelbagai SMS berupa ugutan juga menggambarkan permusuhan antara SP1 dengan OKT. (perenggan 26)

(6) Dengan pelbagai inferens yang memihak pada OKT berdasarkan keterangan ikut keadaan yang dikemukakan, pihak pendakwaan gagal mengemukakan keterangan ikut keadaan yang menjurus kepada pembuktian kebersalahan OKT. Keterangan SP1, SP2 dan SP3 meragukan. Keterangan SP4 pula hanya mengatakan bahawa tandatangan pada P3A tidak sama dengan spesimen tandatangan WW. Tidak ada keterangan yang menunjukkan OKT menandatangani P3A atau meminta sesiapa selain daripada WW untuk menandatanganinya. Jika pun pertimbangan dibuat secara minimum, pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie*. Tidak cukup bukti untuk mengarahkan OKT dipanggil membela diri. (perenggan 27 & 28)

(7) Pertuduhan pertama dan kedua merujuk satu dokumen yang sama. Tempat dan masa yang dikatakan berlakunya pemalsuan tersebut juga sama dalam kedua-dua pertuduhan. Pemalsuan tidak boleh dilakukan dua kali dalam satu dokumen yang sama. Pertuduhan kedua cacat dan tidak sah kerana wujud pertindihan pertuduhan. Kecacatan pertuduhan tersebut bukannya berbentuk kecacatan teknikal sahaja malah menyalahi undang-undang dan tidak boleh dipulihkan sebagai ketidakaturan. (perenggan 30 & 32)

Obiter:

(1) Sekiranya cukup bukti bagi mendapati OKT bersalah dan disabitkan, OKT tidak boleh dikenakan dua hukuman berasingan bagi kesalahan yang sama. Sekiranya hukuman kedua dijatuhkan atas OKT, prinsip perlindungan pendakwaan di bawah perkara 7(2) Perlembagaan Persekutuan akan dilanggar. Pertuduhan yang lebih sesuai ialah sama ada di bawah ss. 468 atau 471 KK. (perenggan 31)

Kes-kes yang dirujuk:
Asni Omar lwn. PP [2016] 1 CLJ 548 CA ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chang Kim Siong v. PP [1967] 1 LNS 18 FC ***(dirujuk)***
Chung Onn v. PP [2010] 6 CLJ 211 HC ***(dirujuk)***
Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***
Mohd Shamshir Md Rashid v. PP [2008] 6 CLJ 738 CA ***(dirujuk)***
Ng Thian Soong v. PP [1990] 1 CLJ 1107; [1990] 1 CLJ (Rep) 202 SC ***(dirujuk)***
PP v. Ling Tee Huah [1980] 1 LNS 212 ***(dirujuk)***
Razak Abu v. PP [2008] 8 CLJ 252 HC ***(dirujuk)***
Samsudin v. PP [1962] 1 LNS 180 HC ***(dirujuk)***
Teh Lee Tong v. Rex [1951] 1 LNS 96 HC ***(dirujuk)***
Yong Kar Mun v. PP [2013] 5 CLJ 751 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 158
Evidence Act 1950, ss. 8, 114(g)
Federal Constitution, art. 7(2)
Penal Code, ss. 457, 463, 464, 467, 468, 471

Bagi pihak pendakwaan - Sally Chay Mei Ling; TPR
Bagi pihak tertuduh - Khirun Anuar Mali; T/n S Ravichandaran & Anuar

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali PK:

Pendahuluan

[1] Berpunca dari perbalahan berhubung dengan harta pusaka, Wong Chee Seong, orang kena tuduh (OKT), telah dituduh dengan dua tuduhan memalsukan dokumen di bawah s. 457 Kanun Keseksaan (KK). Bagi tuduhan

pertama dan kedua, OKT didakwa telah memalsukan satu surat wasiat si mati, Wong Weng (WW), iaitu bapa OKT. Kesalahan pertama didakwa dilakukan pada 13 September 2005 di pejabat peguam Tetuan K.B. Tan Kumar & Partners bagi membolehkan OKT memindah milik setengah bahagian wang dari simpanan tetap No: 721-120726 di Bank OCBC di Jalan Yang Kalsom, Ipoh yang berjumlah RM83,018.61 yang dibuka di atas nama WW dan Wong Chee Seng, adik OKT. Di bawah tuduhan kedua pula, OKT didakwa pada masa dan tempat yang sama, memalsukan surat wasiat yang sama bagi memindah milik tiga keping tanah dari nama si mati kepada namanya sendiri.

[2] Pihak pendakwaan (PP) mengemukakan rayuan ini kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) melepas dan membebaskan OKT di akhir kes pendakwaan setelah mendapati PP gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT di atas kedua-dua tuduhan. Bagi memudahkan rujukan, pihak-pihak disebut sepertimana mereka di mahkamah asal.

Keterangan Pihak PP

[3] PP telah mengemukakan lima orang saksi. Saksi utama PP ialah Wong Chee Seng (SP1) adalah pengadu di dalam kes ini. Di dalam keterangannya, SP1 mengatakan bapanya, WW telah meninggal dunia pada 7 Disember 2005 akibat sakit barah dalam perut. Setelah disahkan sakit barah, WW telah terlantar di atas katil dan tidak boleh ke mana-mana. Kali terakhir WW dibawa ke hospital adalah pada sebelum bulan Julai tahun 2005. Sebelum meninggal dunia, WW ada beritahu SP1 dan ahli keluarganya yang dia tidak akan buat apa-apa wasiat. SP1 terperanjat kerana seorang peguam ada memberitahunya berkenaan wasiat yang dikatakan dibuat WW (P3A). Ekoran dari itu, SP1 membuat laporan polis kerana mempertikaikan P3A yang menyatakan WW telah menyerahkan segala harta kepada OKT.

[4] Saksi kedua PP ialah Sin Kwai Yeng (SP2), balu kepada WW yang juga ibu kepada SP1 dan OKT. SP2 di dalam keterangannya telah mengesahkan WW meninggal dunia akibat barah dalam tubuhnya. WW hanya terbaring di katil selama lima ke enam bulan sebelum kematiannya dan tidak pernah keluar dari rumah. Turut disahkan bahawa semasa hayatnya, WW pernah mengatakan dia tidak akan buat apa-apa wasiat dan ingin biarkan semua warisnya berlawan sesama sendiri kerana harta yang ditinggalkan. SP2 tidak pernah tahu akan kewujudan P3A yang menyerahkan semua harta kepada OKT untuk diuruskan.

[5] Wong Chee Wah (SP3) adalah saksi ketiga dipanggil PP. SP3 juga anak WW, adik kepada OKT dan SP1. Di dalam keterangannya, SP3 menyokong keterangan SP1 dan SP2 dengan memaklumkan bahawa bapanya meninggal kerana sakit barah pada usia 82 tahun. WW sakit sejak tahun 2003 lagi dan pada Julai atau Ogos tahun 2005, WW tidak dapat bergerak dan sentiasa

terbaring di katil. Kaki tangannya tidak lagi dapat berfungsi. Setelah kematian WW, baru SP3 tahu yang bapanya ada buat P3A setelah dimaklumkan peguam. SP3 meragui kewujudan P3A dan membuat satu laporan polis (P30) yang mendakwa bahawa P3A adalah palsu. Aduan dibuat terhadap OKT kerana semasa hayat bapanya, tidak ada dia mengatakan hendak beri hartanya kepada sesiapa pun.

[6] Bagi membuktikan P3A bukannya dibuat oleh WW, contoh tandatangan WW pada sembilan keping cek (P5 1-9) serta P3A telah diserah kepada Supt Nor Azman bin Mohd Noor (SP4), seorang pakar tulisan tangan untuk dianalisis. Hasil pemeriksaan ke atas spesimen tandatangan, SP4 berpendapat bahawa tandatangan pada P3A adalah berbeza dengan tandatangan WW pada P5 1-9. Laporan pemeriksaan yang disediakan SP4 telah dikemukakan sebagai eks. P34.

[7] Pegawai penyiasat kes, Insp Muhammad Nazri bin Ramle (SP5) telah memanggil dan merakam percakapan dari saksi-saksi yang terlibat. Dipanggil memberi keterangan di mahkamah, dua orang peguam iaitu Raam Kumar dan Tan Kay Boon, doktor dari Ipoh Specialist dan OKT sendiri. Hasil siasatan, didapati wujud bukti OKT memalsukan P3A berdasarkan kepada keputusan analisis forensik oleh SP4, pengakuan serta percakapan SP2 dan percanggahan di antara percakapan peguam dengan percakapan OKT.

Keputusan HMS

[8] Setelah meneliti dan menimbang keseluruhan keterangan pihak PP, HMS telah mendapati PP telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT bagi kedua-dua tuduhan. Antara alasan yang diberikan adalah, SP1, SP2 dan SP3 tidak tahu WW telah ke pejabat peguam untuk menandatangani P3A. Keterangan SP2 yang mengatakan WW tidak dapat bergerak di dalam tempoh P3A disediakan bercanggah dengan fakta yang WW telah ke hospital bagi mendapatkan rawatan dan ke Mahkamah Majistret memberi keterangan pada sekitar tarikh-tarikh tersebut. Terdapat keterangan bahawa WW ada tandatangan dua dokumen di hadapan pesuruhjaya sumpah pada 9 dan 23 Ogos 2005. Selain itu terdapat persoalan sama ada WW sememangnya menghidap kanser kerana sebab kematian WW adalah sakit tua berdasarkan keterangan SP5 yang berpandukan percakapan doktor. HMS juga telah menimbang keterangan SP1 secara berhati-hati kerana adanya perbalahan di antara mereka. Di samping itu, HMS telah mengguna pakai peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 apabila mendapati PP gagal memanggil peguam yang mengendalikan P3A. Akhirnya HMS meragui keterangan SP4 dan mendapati PP gagal mengemukakan atau buktikan OKT yang memalsukan P3A.

Hujahan PP

[9] PP telah membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT di atas kedua-dua tuduhan. Walaupun tidak ada keterangan secara langsung dikemukakan bagi membuktikan OKT memalsukan P3A, keterangan ikut keadaan sepertimana

keterangan yang dikemukakan saksi-saksi PP, terutamanya keterangan SP4 adalah mencukupi bagi membuktikan OKT memalsukan P3A. Keputusan kes *Razak Abu v. PP* [2008] 8 CLJ 252; [2008] 2 MLRA 209 dirujuk.

[10] Dihujahkan bahawa HMS gagal mengambil kira;

(i) fakta yang berbangkit akibat pemalsuan P3A, OKT telah dilantik sebagai wasi tunggal harta pusaka WW;

(ii) keterangan SP3 yang menyatakan bahawa selepas kematian WW, OKTlah yang telah menunjukkan P3A kepada semua yang lain. Fakta tersebut relevan bagi menunjukkan P3A berada di dalam milikan OKT;

(iii) keterangan SP1 dan SP3 yang menunjukkan keadaan minda WW yang tidak berniat untuk mengadakan sebarang wasiat bagi hartanya, satu perkara yang relevan di bawah s. 8 Akta Keterangan; dan

(iv) keterangan SP1 dan SP3 yang mengesahkan OKT telah menggunakan P3A sebagai wasiat tulen.

[11] Setelah membuktikan OKT memalsukan P3A berdasarkan keterangan ikut keadaan, PP telah berjaya membuktikan bahawa P3A adalah salah satu dokumen yang dinyatakan di dalam s. 467 KK bagi melengkapkan intipati tuduhan terhadap OKT.

[12] PP juga menghujahkan bahawa HMS gagal menggunakan kuasa budi bicara bagi meminda tuduhan terhadap OKT kerana PP telah membuktikan cukup keterangan di bawah s. 471 KK. Peruntukan s. 158 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dan keputusan kes *Yong Kar Mun v. PP* [2013] 5 CLJ 751; [2012] MLRA 577 dan *Chung Onn v. PP* [2010] 6 CLJ 211; [2010] 2 MLRA 210 dirujuk.

[13] HMS juga telah tersilap apabila memutuskan untuk mengguna pakai peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan kerana kegagalan PP memanggil peguam-peguam yang dikatakan mengendalikan P3A dan pesuruhjaya sumpah yang menyaksikan WW menandatangani sumpah. Dihujahkan bahawa PP ada budi bicara untuk memanggil mana-mana saksi bagi membuktikan kesnya dan keputusan kes *Teh Lee Tong v. Rex* [1951] 1 LNS 96; [1956] 1 MLJ 194 dan *Mohd Shamshir Md Rashid v. PP* [2008] 6 CLJ 738; [2008] 5 MLJ 80 dirujuk.

[14] Akhirnya dihujahkan bahawa HMS tersilap apabila menilai secara berhati-hati keterangan SP1 hanya semata-mata dia telah menunjukkan sikap berbalah dengan OKT. Kredibiliti SP1 tidak dicabar dan mahkamah sepatutnya menerima keterangannya. Keputusan kes *PP v. Ling Tee Huah* [1980] 1 LNS 212; [1982] 2 MLJ 324 dirujuk.

Analisis Dan Dapatan Mahkamah

[15] Kesalahan memalsukan dokumen adalah sepertimana yang telah dinyatakan di bawah s. 463 KK:

> **Forgery**
>
> Whoever makes any false document or part of a document with intent to cause damage or injury to the public or to any person, or to support any claim or title, or to cause any person to part with property, or to enter into any express or implied contract, or with intent to commit fraud or that fraud may be committed, commits forgery.

Sementara itu, s. 464 KK memperuntukkan bahawa seseorang itu boleh dikatakan membuat dokumen palsu dalam beberapa keadaan. Peruntukan s. 464 tersebut adalah sepertimana berikut:

> Making a false document
>
> A person is said to make a false document:
>
> (a) who dishonestly or fraudulently makes, signs, seals or executes a document or part of a document, or makes any mark denoting the execution of a document, with the intention of causing it to be believed that such document or part of a document was made, signed, sealed or executed by, or by the authority of a person by whom or by whose authority he knows that it was not made, signed, sealed or executed, or at a time at which he knows that it was not made, signed, sealed or executed;
>
> (b) who without lawful authority, dishonestly or fraudulently, by cancellation or otherwise, alters a document in any material part thereof, after it has been made or executed either by himself or by any other person, whether such person be living or dead at the time of such alteration; or
>
> (c) who dishonestly or fraudulently causes any person to sign, seal, execute or alter a document, knowing that such person by reason of unsoundness of mind or intoxication cannot, or that by reason of deception practised upon him he does not, know the contents of the document or the nature of the alteration.

OKT didakwa melakukan kesalahan di bawah s. 467 KK iaitu memalsukan dokumen yang melibatkan satu wasiat, satu daripada perbuatan yang jika dapat dibuktikan boleh membawa hukuman yang lebih berat berbanding dengan kesalahan melakukan pemalsuan dokumen lain. Peruntukan s. 467 KK adalah sepertimana berikut:

> **Forgery of a valuable security or will**
>
> Whoever forges a document which purports to be a valuable security or a will, or an authority to adopt a son, or which purports to give authority to any person to make or transfer any valuable security, or to receive the principal, interest or dividends thereon, or to receive or deliver any money,

A movable property or valuable security, or any document purporting to be an acquittance or receipt, acknowledging the payment of money, or an acquittance or receipt for the delivery of any movable property or valuable security, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to fine.

B **[16]** Jelasnya dari definisi yang ditetapkan di bawah s. 463 KK, sesiapa sahaja yang membuat dokumen palsu dengan niat untuk menyebabkan kerosakan kepada orang ramai atau mana-mana orang telah melakukan kesalahan memalsukan dokumen. Seseorang itu dikatakan membuat dokumen palsu apabila melakukan salah satu daripada perbuatan yang C dinyatakan di tiga perenggan di bawah s. 464 KK. Oleh itu, bagi membuktikan tuduhan memalsukan dokumen, undang-undang menghendaki PP membuktikan:

(i) OKT yang membuat dokumen palsu;

(ii) OKT menggunakan dokumen palsu itu dengan niat untuk mendatangkan D kerosakan kepada orang ramai atau mana-mana orang; dan

(iii) Bagi kesalahan di bawah s. 467, dokumen yang dipalsukan tersebut adalah salah dalam satu daripada dokumen yang diklasifikasikan.

[17] Berbalik kepada tuduhan terhadap OKT, isu tentang jenis dokumen E yang terlibat adalah jelas. OKT didakwa memalsukan satu dokumen wasiat. Satu dokumen yang dikelaskan di bawah s. 467 KK. Dari keterangan yang ada juga, terbukti OKT telah menggunakan satu dokumen wasiat untuk mentadbir harta pusaka WW.

[18] Persoalan yang timbul adalah sama ada PP berjaya membuktikan F bahawa P3A adalah palsu dan orang yang memalsukan P3A adalah OKT. Undang-undang jelas menghendaki PP membuktikan kedua-dua tuduhan terhadap OKT tanpa sebarang keraguan yang munasabah. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85; [2005] 2 MLJ 301 di ms. 99 (CLJ); ms. 351 (MLJ) telah menerangkan:

G Section 180(1) makes it clear that the standard of proof on the prosecution at the close of its case is to make out a *prima facie* case while s. 182A(1) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The standard of proof on the prosecution at the end of its case and at the end of the whole case has thus been H statutorily spelt out in clear terms …

[19] Berdasarkan keterangan saksi-saksi PP, didapati tidak ada keterangan secara langsung yang diberikan bagi membuktikan OKT memalsukan P3A. Tidak ada saksi yang nampak OKT menandatangani atau meminta orang lain I menandatangani P3A. PP bergantung semata-mata kepada keterangan ikut keadaan. Keterangan SP1, SP2 dan SP3 mengatakan WW menderita sakit barah dan hanya terbaring di katil sahaja pada sekitar tarikh P3A

ditandatangani. Mereka bersepakat mengatakan WW ada menyebut yang dia tidak akan membuat sebarang wasiat bagi hartanya. SP2 yang menjaga dan tinggal bersama-sama WW semasa hayatnya secara khusus memberi keterangan yang mengatakan dia tidak nampak WW keluar dari rumah untuk pergi buat wasiat di pejabat peguam. SP4, berdasarkan kepakarannya menganalisis tulisan tangan, telah mendapati tandatangan pada P3A bukanlah tandatangan WW. Itulah keterangan ikut keadaan yang ada berdasarkan keterangan saksi-saksi PP.

[20] Hakikatnya, keterangan ikut keadaan boleh diterima walaupun tanpa keterangan langsung. Namun begitu, penerimaan keterangan ikut keadaan oleh mahkamah biasanya hanya kepada keterangan yang boleh menjurus kepada pembuktian kesalahan OKT sahaja. Pike CJ di dalam kes *Chang Kim Siong v. PP* [1967] 1 LNS 18; [1968] 1 MLJ 36 telah memutuskan:

> The onus on the prosecution when the evidence is of a circumstantial nature is a very heavy one and that evidence must point irresistibly to the conclusion of the guilt of the accused. If there are gaps in it then it is not sufficient.

Sementara itu, di dalam kes *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. Public Prosecutor* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101; [1983] 2 MLJ 232, Abdoolcader HMP memutuskan:

> Where circumstantial evidence is the basis of the prosecution case the evidence proved must irresistibly point to one and only one conclusion, the guilt of the accused, but in a case tried without a jury the failure by the court to expressly state this is not fatal and it would suffice if it merely says that it is satisfied as to the guilt of the accused beyond reasonable doubt (*Jayaraman and Ors v. Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 306 310).

Mahkamah Rayuan di dalam kes *Asni Omar lwn. PP* [2016] 1 CLJ 548; [2015] 6 MLJ 401 di ms. 560 (CLJ); ms. 415 (MLJ) pula telah membuat pemerhatian berikut:

> [37] Prinsip undang-undang adalah juga mantap bahawa keterangan ikut keadaan hendaklah dilihat kesannya secara kumulatif dan keterangan ikut keadaan itu dengan khususnya hanya mengarah atau menjurus kepada (irresistibly points to) kebersalahan perayu lihat (*Sunny Ang v. Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 195; *Dato Mokhtar bin Hashim & Another v. Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; *Amathevelli a/p P Ramasamy v. Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 367; *Kamis v. Public Prosecutor* [1975] 1 MLJ 46).

[21] Oleh itu, mahkamah masih boleh mempertimbangkan dan menerima keterangan ikut keadaan sebagai keterangan yang mencukupi bagi memutuskan PP berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT. Namun begitu, keterangan tersebut perlulah kuat dan menjurus hanya kepada kesalahan yang dilakukan OKT di atas pertimbangan secara maksimum keterangan yang ada.

[22] Selain itu, semasa menilai dan menimbang keterangan ikut keadaan yang memihak kepada PP, mahkamah juga perlu menimbang segala inferens yang secara munasabahnya berbangkit dari sesuatu keterangan ikut keadaan terutamanya inferens yang memihak kepada OKT. Mohamed Azmi HMA di dalam kes *Ng Thian Soong v. PP* [1990] 1 CLJ 1107; [1990] 1 CLJ (Rep) 202; [1990] 2 MLJ 148 telah memutuskan:

> It must be noted at this point that since *Jayaraman & Ors v. PP* [1982] 2 MLJ 306, the then Federal Court had applied *McGreevy v. Director of Public Prosecutions* [1973] 1 All ER 503, by holding that a trial judge's direction to the jury on burden of proof is the same whether the prosecution's evidence is direct or circumstantial, ie, proof beyond reasonable doubt. Where the evidence is circumstantial, there is no further duty on the judge as in the past, to direct the jury that the evidence must be such as to be inconsistent with any other reasonable conclusion or hypothesis than the guilt of the accused in addition to proof beyond reasonable doubt. *But be that as it may, these authorities do not relieve the trial judge from the duty to make a balanced direction to the jury on other reasonable inferences that could be drawn from any particular circumstantial evidence, particularly where they are equally favourable to the accused.* (penekanan ditambah)

Walaupun keputusan tersebut melibatkan arahan kepada juri, prinsip yang sama seharusnya terpakai kepada hakim yang menjadi pemutus kepada persoalan fakta. Oleh itu, mahkamah perlu menilai secara optimum keseluruhan keterangan ikut keadaan yang memihak kepada pembuktian kesalahan OKT dan pada masa yang sama perlulah juga menilai keterangan atau inferens yang memihak kepada OKT.

[23] Berdasarkan keterangan PP, SP1, SP2 dan SP3 tidak tahu yang WW telah pergi ke pejabat peguam untuk menyediakan P3A. Walaupun SP2 tinggal bersama dan menjaga WW, dia tidak boleh ingat lagi peristiwa yang berlaku pada tahun 2005. Namun begitu semasa disoal balas, dia ingat yang WW ada hadir di Mahkamah Majistret memberi keterangan dalam kes tuntutan terhadap SP1 pada pertengahan tahun 2005. Keterangan SP1 dan SP3 mengenai kesihatan WW pula bukanlah dari pengetahuan peribadi. Mereka hanyalah bersandarkan kepada apa yang dicakapkan oleh SP2 sahaja. Dengan itu timbul inferens yang WW mungkin ada ke pejabat peguam membuat P3A tanpa pengetahuan SP2. Seorang lagi adik perempuan OKT yang turut menjaga WW tidak dipanggil memberi keterangan kerana dikatakan berada di luar negara.

[24] Di samping itu, sijil kematian yang dikemukakan sebagai eks. D15 menyatakan sebab kematian WW adalah sakit tua. SP5 di dalam keterangannya mengesahkan berdasarkan siasatan ke atas rekod hospital, WW ada mendapat rawatan dan kali terakhirnya adalah pada 29 Ogos 2005. Terdapat juga keterangan yang WW ada menandatangani surat akuan pada 9 Ogos 2005 (D16) dan 23 Ogos 2005 (D18) serta satu surat perwakilan kuasa pada 8 September 2005 (D19). P3A pula telah dikatakan di

tandatangani WW di hadapan peguam bernama Tan Kay Boon dan Raam Kumar a/l M Suppiah pada 13 September 2005. Inferens yang boleh dibuat di atas kesemua keterangan, terutamanya keterangan dokumen adalah; WW bukannya seorang pesakit barah, WW berupaya bergerak untuk mendapatkan rawatan, WW ada ke mahkamah memberi keterangan, WW ada ke pejabat dua pesuruhjaya sumpah yang berlainan dan WW ada ke pejabat peguam pada masa dikatakan tidak boleh bergerak dan hanya terlantar sahaja di katil oleh saksi-saksi PP. Inferens tersebut adalah memihak kepada OKT dan perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya.

[25] Di samping itu, HMS di dalam penghakimannya telah membangkitkan inferens di bawah s. 114(g) Akta Keterangan terhadap kegagalan PP memanggil peguam-peguam yang menyaksikan P3A dan dua pesuruhjaya sumpah yang menyaksikan akuan bersumpah WW. Dalam hal ini, pada asasnya, hak untuk memanggil saksi adalah terletak pada budi bicara PP. Namun begitu, kegagalan PP memanggil saksi yang relevan akan menafikan hak OKT untuk mendapat keadilan sekiranya saksi yang tidak dipanggil itu boleh memberi keterangan yang boleh membantu mahkamah memutuskan sesuatu soalan fakta yang relevan dengan tuduhan. Adalah didapati bahawa peguam-peguam yang menyaksikan WW menandatangani P3A adalah orang yang secara langsungnya terlibat dengan kewujudan P3A. Mereka sepatutnya dipanggil memberi keterangan. Good JA di dalam kes *Samsudin v. PP* [1962] 1 LNS 180; [1962] 1 MLJ 405 memutuskan:

> The defence, of course, would have much preferred them to be offered for cross-examination but in our opinion the prosecution were under no duty to take this course and it was sufficient that they made known to the defence the availability of these witnesses if they required them. This seems to us to be well settled law. We do not think it necessary to resort to extensive quotation from the many authorities which were discussed by this Court in the case of *Khoon Chye Hin v. Public Prosecutor* [1961] MLJ 105 CA at p 109. It is clear from these authorities that the prosecutor has a discretion and also that if he does not call material witnesses who are available he runs the risk of having the presumption in illustration (g) to section 114 of the Evidence Ordinance raised against him. In the present case there was no attempt at concealment, no suggestion, as was said by Lord Thankerton in the case of *Adel Muhammed El Dabbah v. Attorney-General for Palestine* [1944] AC 156 168, "that the prosecutor has been influenced by some oblique motive". The witnesses were freely offered to the defence and in our opinion the presumption did not arise. In our view the direction given by the trial judge on this point at page 94 of the record where he referred to the case of *Khoon Chye Hin* was adequate and unexceptionable.

Kegagalan PP memanggil saksi yang boleh membantu mahkamah membuat penemuan dan keputusan fakta boleh dilihat sebagai ingin menyembunyikan sesuatu. Inferens yang boleh dibuat dan didapati selamat dibuat adalah, WW sememangnya ada ke pejabat peguam yang tidak dipanggil memberi

keterangan dan telah dengan sendirinya menandatangani P3A. Oleh itu, HMS tidak salah arah ataupun silap apabila membangkitkan inferens di bawah s. 114(g) Akta Keterangan yang memihak kepada OKT di dalam keadaan tersebut.

[26] Selain itu, HMS juga membuat penelitian yang khusus kepada keterangan SP1. Setelah diteliti nota keterangan, adalah didapati tidak ada salahnya dengan tindakan HMS tersebut. HMS ada asas memutuskan demikian. Dari keterangan jelas menunjukkan SP1 merupakan orang yang kecewa dengan kewujudan P3A. Ada keterangan berkaitan dengan tingkah laku dan pertelingkahan SP1 dengan WW sehinggakan WW berjaya mendapat perintah mahkamah untuk menghalau SP1 dari rumahnya. Penghantaran pelbagai SMS yang berupa ugutan dapat menggambarkan permusuhan di antara SP1 dengan OKT. Keterangan berkaitan dengan SMS tersebut, yang mana tidak dinafikan, jelas menunjukkan SP1 berdendam terhadap OKT. Oleh itu, inferens yang memihak kepada OKT adalah, SP1 sakit hati dengan OKT dan sanggup lakukan apa saja bagi mengenakan OKT.

[27] Pokok pangkalnya, persoalan yang perlu dijawab ialah, adakah PP telah mengemukakan keterangan yang mencukupi bagi membolehkan mahkamah memanggil OKT membela diri di atas kedua-dua tuduhan? Kesimpulan yang boleh dibuat adalah, dengan adanya pelbagai inferens yang memihak kepada OKT dari keterangan ikut keadaan yang dikemukakan, PP gagal mengemukakan keterangan ikut keadaan yang menjurus kepada pembuktian kesalahan OKT. Keterangan SP1, SP2 dan SP3 meragukan. Apa yang tinggal adalah keterangan SP4. Keterangan tersebut hanya mengatakan tandatangan pada P3A tidak sama dengan spesimen tandatangan WW, itu sahaja. Tidak ada keterangan yang menunjukkan OKT tandatangan P3A atau meminta sesiapa selain dari WW menandatangani P3A. Oleh itu, walaupun pertimbangan dibuat secara minimum sekali pun, PP gagal membuktikan kes *prima facie*, apa lagi bagi pertimbangan secara maksimum yang perlu buat mahkamah.

[28] Akhirnya, PP ada memohon agar mahkamah membuat pertimbangan bagi memanggil OKT membela diri di bawah s. 471 KK. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

> **Using as genuine a forged document**
>
> Whoever fraudulently or dishonestly uses as genuine any document which he knows or has reason to believe to be a forged document, shall be punished in the same manner as if he had forged such document.

Dengan hormatnya, PP perlulah terlebih dahulu membuktikan P3A adalah palsu. Di samping itu, PP perlulah membuktikan pengetahuan OKT ke atas dokumen yang dikatakan sebagai palsu dan menggunakan dokumen tersebut sebagai tulen. Sepertimana yang diputuskan, PP gagal membuktikan P3A

adalah palsu dari keterangan ikut keadaan yang dikemukakan. Oleh itu, tidak ada cukup bukti bagi mahkamah ini mengarahkan OKT dipanggil membela diri di bawah s. 471 KK.

Keputusan

[29] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, adalah didapati HMS tidak tersalah arah atau membuat kesilapan apabila mendapati PP gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT bagi kedua-dua tuduhan. Keputusan HMS melepas dan membebaskan OKT tanpa dipanggil membela diri di akhir kes pendakwaan dikekalkan. Rayuan ditolak.

Ulasan Tambahan Ke Atas Dua Tuduhan Terhadap OKT

[30] OKT didakwa di atas dua tuduhan berasingan kerana memalsukan dokumen wasiat. Tuduhan pertama dan tuduhan kedua adalah merujuk kepada satu dokumen yang sama. Tempat dan masa yang dikatakan berlakunya pemalsuan tersebut juga adalah sama di dalam kedua-dua tuduhan. Persoalannya bolehkan pemalsuan dilakukan dua kali ke atas satu dokumen yang sama?

[31] Situasi secara hipotetikal adalah, sekiranya cukup bukti bagi mendapati OKT bersalah dan disabitkan, bolehkah OKT dikenakan dua hukuman berasingan bagi satu kesalahan yang sama? Jawapannya sudah tentulah tidak. Risikonya, hukuman kedua yang dijatuhkan ke atas OKT akan melanggar prinsip perlindungan terhadap pendakwaan dua kali (double jeopardy) yang termaktub di bawah per. 7 (2) Perlembagaan Persekutuan.

[32] Ternyatalah tuduhan kedua yang dikenakan ke atas OKT adalah satu tuduhan yang cacat dan tidak sah kerana wujudnya pertindihan tuduhan (duplicity of charges). Kecacatan pada tuduhan tersebut bukannya berbentuk kecacatan teknikal sahaja malah ianya menyalahi undang-undang dan tidak boleh dipulihkan sebagai ketidakteraturan sahaja. Tuduhan yang lebih sesuai adalah sama ada di bawah s. 468 KK atau 471 KK.